



**UCAPAN TAAT SETIA  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA KE-13  
SEMPENA ISTIADAT PENGURNIAAN, ANGKAT SUMPAAH  
JAWATAN DAN TAAT SETIA SERTA SUMPAAH SIMPAN  
RAHSIA AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
(MMKN)  
TARIKH: 26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT),  
MASA: 2.55 PETANG  
DI DEWAN SERI NEGERI, AYER KEROH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Allahumma Solli A'la Muhammad, Wa'ala Ali Sayyidina  
Muhammad,

Selawat dan Salam ke atas Rasul junjungan, Nabi  
Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat-sahabat  
Baginda sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Ke Hadapan Yang Dikasihi;  
Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd  
Ali bin Mohd Rustam Yang di-Pertua Negeri Melaka;  
dan

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Wira (Dr.)  
Hajah Asmah binti Abdul Rahman;

1. Pertama-tamanya, bagi pihak Kerajaan Barisan  
Nasional (BN) Negeri Melaka dan Ahli-ahli Majlis  
Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baru dilantik,  
saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi  
penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun  
Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,

Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Abdul Rahman kerana dapat hadir sama di Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka pada petang ini.

2. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan bukan sahaja menambah seri majlis ini, malah melambangkan betapa besar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang di-Pertua Negeri terhadap rakyat dan Negeri Melaka. Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

***Padi berisi semakin bercambah,  
Mulia akhlak baik budi pekerti,  
Kami pimpinan merafak sembah,  
Bertakhtalah Tun sebagai payung negeri.***

Tuan Yang Terutama Tun;

3. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kepercayaan dan keyakinan untuk melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka pada **20 November 2021** yang lalu, setelah Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk Kerajaan Negeri yang baharu melalui Pilihan Raya Negeri Melaka bagi penggal

ke-15 yang telah diadakan pada tarikh yang sama.

4. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT, Barisan Nasional telah berjaya memenangi **21 kerusi daripada 28 kerusi** Dewan Undangan Negeri Melaka dengan memenangi undi majoriti lebih dua pertiga atau lebih tepatnya, tiga perempat daripada keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Melalui aku janji bertema, **“Kestabilan Demi Kemakmuran”**, kami telah diberikan kepercayaan oleh rakyat Negeri Melaka untuk membentuk sebuah Kerajaan Negeri baharu dengan mandat yang lebih stabil dan kukuh di negeri bertuah lagi bersejarah ini.
5. Sesungguhnya, di atas berkat kemenangan ini, saya dan rakan-rakan Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri cukup insaf dan melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana telah melimpahkan rahmat ke atas Negeri Melaka sehingga Pilihan Raya Negeri telah berjalan dengan lancar dan teratur.

Tuan Yang Terutama Tun;

6. Saya dan Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sangat sedar bahawa segala kurniaan Allah SWT ini wajib dipikul dengan penuh insaf dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas.

7. Saya dan Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik ini tetap mengharapkan sokongan, nasihat serta panduan secara dekat dan berterusan daripada Tuan Yang Terutama Tun, agar kami dapat meneruskan kelangsungan mentadbir Kerajaan Negeri yang baharu, menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang sejahtera dan bahagia melalui peningkatan kecekapan pentadbiran serta limpahan pembangunan dalam pelbagai sektor bagi menjulang kemasyhuran Melaka sehingga ke peringkat antarabangsa. Insya-Allah.
  
8. Tuan Yang Terutama Tun, seterusnya saya mohon izin untuk memperkenalkan sekali lagi senarai Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka yang baharu:

**Pertama: Jawatankuasa Negeri Perancang Ekonomi, Kewangan, Pembangunan Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Hal Ehwal Agama oleh YAB Ketua Menteri Melaka (DUN Lendu);**

**Kedua: Jawatankuasa Negeri Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan oleh YB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh (DUN Tanjung Bidara);**

**Ketiga: Jawatankuasa Negeri Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan oleh YB Datuk Muhammad Jailani bin Khamis (DUN Rembia);**

**Keempat: Jawatankuasa Negeri Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir oleh YB Datuk Rahmad bin Mariman (DUN Ayer Molek);**

**Kelima: Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar oleh YB Datuk Zaidi bin Attan (DUN Serkam);**

**Keenam: Jawatankuasa Negeri Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani oleh YB Datuk Abdul Razak bin Abdul Rahman (DUN Telok Mas);**

**Ketujuh: Jawatankuasa Negeri Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) oleh YB VP Shanmugam a/l V. Pitchay (DUN Gadek);**

**Kelapan: Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan oleh YB Datuk Kalsom binti Nordin (DUN Pengkalan Batu);**

**Kesembilan: Jawatankuasa Negeri Kesihatan dan Anti dadah oleh YB Dr. Muhamad Akmal bin Saleh (DUN Merlimau);**

**Kesepuluh: Jawatankuasa Negeri Pendidikan dan Teknologi oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yassin (DUN Paya Rumput);**

**Kesebelas: Jawatankuasa Negeri Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna oleh YB Ngwe Hee Sem (DUN Machap Jaya).**

9. Seterusnya, saya mohon untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin sekalian.

Yang saya hormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel bin Mohamad;  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Sahibus Samahah Datuk Wira Hj. Abdul Halim bin Tawil, Mufti Kerajaan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

Yang Berbahagia Datuk Seri-datuk seri, Datuk-datuk, Datin-datin;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Agensi Peringkat Negeri dan Persekutuan;

Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan; para hadirin sekalian.

10. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, izin serta inayah-Nya, Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka dapat diadakan pada petang ini selepas kejayaan Barisan Nasional (BN) membentuk Kerajaan Negeri yang baharu.
11. Tahniah juga diucapkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik. Tanggungjawab serta amanah besar ini hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi menjadikan Negeri Melaka terus maju jaya yang ditunjangi dengan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran.
12. Berdasarkan aku janji Barisan Nasional (BN) bertema, **“Kestabilan Demi Kemakmuran”**, kita telah menggariskan **103 inisiatif berasaskan 5 teras dengan 1 matlamat** yang diikrarkan untuk dilaksanakan bagi memahat kecemerlangan masa depan rakyat dan kegemilangan Negeri Melaka untuk tempoh **5 tahun** yang akan datang. Keseluruhan inisiatif tersebut perlu dicapai dalam tempoh **100 hari, satu tahun dan lima tahun**.



13. Suka untuk saya menyatakan bahawa **5 teras** utama tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama : Kestabilan politik,**  
**Kedua : Lonjakan ekonomi baharu,**  
**Ketiga : Kecekapan tadbir urus,**  
**Keempat: Masyarakat bersatu padu; serta**  
**Kelima : Pembangunan mapan & perkongsian**

14. Pertama, demi membentuk **kestabilan politik** menerusi agenda meraikan politik yang matang, saya dan barisan kepimpinan kerajaan yang akan melaksanakan **DUA inisiatif** di bawah teras ini. Antaranya, adalah menyediakan **peruntukan kepada semua ADUN termasuk bukan kerajaan.**

15. Pendekatan ini adalah berlandaskan konsep '**Keluarga Malaysia**' agar dapat menerima persamaan dan perbezaan supaya ADUN-ADUN yang telah dipilih oleh rakyat dapat melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Selain itu, Kerajaan juga akan **meminda perlembagaan negeri** untuk melantik **lima orang ADUN tambahan** termasuk wakil belia dan NGO.

16. Kedua, bagi melaksanakan teras **lonjakan ekonomi baharu**, **EMPAT** program akan dilaksanakan iaitu:

- **Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) sebagai pemacu ekonomi Negeri Melaka,**

- **Memacu industri pelancongan Melaka sebagai destinasi terunggul,**
- **Menyokong kelangsungan perniagaan; dan**
- **Mengupayakan sektor pertanian**

17. Terdapat **21 inisiatif** bakal dilaksanakan di bawah teras ini. Antaranya adalah mewujudkan **10,000 peluang pekerjaan** setiap tahun, memperkasakan pelancongan kesihatan untuk menjadikan Melaka sebagai wilayah kesihatan serantau, mewujudkan platform dalam talian untuk memasarkan makanan, kraftangan serta produk mikro SME di Melaka secara percuma, menambah baik infrastruktur dan penempatan nelayan, petani dan penternak.
18. Ketiga, bagi melaksanakan **kecekapan tadbir urus kerajaan, LIMA inisiatif** akan dilaksanakan, antaranya **memperkasa tadbir urus yang bersih dan telus, memperluaskan pelaksanaan pendigitalan di Negeri Melaka** serta mewujudkan **Dewan Undangan Negeri Belia Melaka** bagi memastikan penglibatan belia dalam menyalurkan idea dan pandangan untuk tadbir urus kerajaan.
19. Keempat, bagi melaksanakan teras **Masyarakat Bersatu Padu** pula, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

- **Sokongan sosial kepada komuniti,**
- **Belia tonggak masa hadapan,**
- **Pembangunan masyarakat Orang Asli,**
- **Memperkasakan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU),**
- **Menjamin masa depan anak-anak,**
- **Wanita bahagia keluarga sejahtera,**
- **Menyantuni warga emas; dan**
- **Anak guru/ Tentera/Polis/Veteran**

20. Terdapat **32 inisiatif** bakal dilaksanakan di bawah teras ini. Antaranya adalah menyediakan **kemudahan van ambulan percuma di setiap JAPERUN** untuk kegunaan masyarakat setempat, memperkasakan **pembangunan kerohanian, moral dan bimbingan keagamaan kepada golongan remaja mahupun anak muda,** meneruskan **program pembangunan masyarakat Orang Asli** dari segi taraf hidup dan **infrastruktur kawasan penempatan,** menyediakan **insentif tambahan kepada golongan OKU,** mewajibkan semua **kanak-kanak Islam** mendapat pendidikan **Sekolah Rendah Agama** di Negeri Melaka.

21. Kelima, bagi melaksanakan teras **pembangunan mapan dan perkongsian kemakmuran,** **SEMBILAN** perkara akan diberi keutamaan merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Utiliti dan kemudahan awam berkualiti
- b. Projek mengatasi banjir berjumlah
- c. RM 931.2 juta
- d. Menghargai wira Negara iaitu *Frontliners* COVID-19
- e. Kelestarian alam sekitar
- f. Penjawat awam dan anak kelahiran Melaka
- g. Kumpulan Ekonomi B40
- h. Kumpulan Ekonomi M40
- i. Kumpulan Ekonomi T20
- j. Meneruskan kehidupan Pasca COVID-19

22. Terdapat **43 inisiatif** bakal dilaksanakan di bawah teras ini. Antaranya adalah seperti **sifar gangguan elektrik** di semua kawasan termasuk kawasan industri, pelaksanaan **Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)**, pemberian **elaun khas kepada “frontliners”**, memastikan **sungai-sungai di Melaka antara terbersih di Malaysia**, memperhebatkan **program pengupayaan supaya golongan B40** dapat dikeluarkan daripada **garis kemiskinan**, **Skim Perumahan Mampu Milik bagi golongan M40**, **inisiatif kepada golongan T20**, **pengurangan 10 peratus bayaran kepada penggunaan 20 meter padu air** untuk kediaman domestik dan **10 meter padu air untuk premis komersial** bagi tahun 2022, dan pelbagai inisiatif lain.

23. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan agenda pembangunan negeri yang telah dirancang di bawah **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)** untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menarik lebih banyak pelaburan baharu, meningkatkan peluang pekerjaan rakyat, merancakkan sektor pelancongan dan paling penting, memperkasa dan memayungi **“Kesejahteraan Rakyat”** secara keseluruhan.
24. Dalam usaha merangsang pembangunan ekonomi sesebuah negeri, kita tidak hanya bergantung kepada peruntukan kewangan negeri semata-mata, tetapi juga perlu sokongan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya dan seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri yang baharu mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada **Kerajaan Persekutuan menerusi peruntukan geran sebanyak RM210 juta pemberian geran tahunan 2022** kepada Kerajaan Negeri Melaka. Selain itu, sebanyak **171 projek pembangunan** dengan kos keseluruhan bernilai **RM5.534 bilion** telah diluluskan untuk dilaksanakan di Negeri Melaka yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM574** juta untuk dibelanjakan pada tahun **2022**.
25. Selain peruntukan projek pembangunan daripada pelbagai kementerian, Kerajaan Negeri juga telah diberikan sebanyak **RM20 juta** di mana sebanyak **68 peratus** iaitu **RM13.6 juta** daripada peruntukan tersebut digunakan untuk melaksanakan pelbagai projek jangka pendek bagi menangani isu banjir.

26. Penularan wabak COVID-19 yang melanda negara, secara tidak langsung telah memberi kesan kepada Negeri Melaka sebagai negeri pelancongan. Berdasarkan statistik, pada tahun **2020**, Negeri Melaka menerima hanya **5.05 juta** pelancong berbanding **18.72** juta pelancong pada tahun **2019**.
27. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Melaka pada 2020 telah menguncup **5.9 peratus**, lebih tinggi daripada KDNK Malaysia yang merekodkan penguncupan sebanyak **5.6 peratus**.
28. Pada tahun 2021, untuk tempoh enam bulan, jumlah pelaburan sektor pembuatan yang diterima oleh negeri berjumlah **RM3.45 billion**. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding dua tahun sebelumnya, iaitu sebanyak **RM0.8 bilion** dan **RM1.9 bilion** masing-masing pada tahun 2019 dan 2020.
29. Justeru, menjadi tanggungjawab yang amat besar bagi saya dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baharu untuk menyusun strategi dan pelan tindakan untuk membangunkan semula ekonomi Negeri Melaka dan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dalam era pasca COVID-19.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

30. Kemenangan Barisan Nasional dengan kedudukan majoriti tiga perempat membolehkan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan kekuatan yang tersendiri.

31. Dengan mandat yang diberikan, Kerajaan Negeri Barisan Nasional mengiktiraf keinginan rakyat yang mahukan kestabilan politik kembali kepada Negeri Melaka. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menterjemahkan kestabilan politik ini melalui **ENAM (6)** pelan tindakan seperti berikut:

**Pertama:** Memperkenalkan Penggunaan Enakmen Anti Lompat Parti dan juga peruntukan peraturan-peraturan berkaitan untuk diguna pakai bagi menjamin kestabilan sesebuah kerajaan.

**Kedua:** Mengusulkan kerjasama antara ADUN untuk memastikan jangka hayat DUN Melaka kekal untuk tempoh sekurang - kurangnya empat tahun dari hari pertama bersidang.

**Ketiga:** Mewujudkan tadbir urus korporat (corporate governance) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai panduan undang-undang dan peraturan Kerajaan Negeri.

**Keempat:** Memperkenalkan undi percaya konstruktif untuk memastikan sebuah kerajaan yang tidak menjadi percaturan pihak tertentu.

**Kelima:** Memperkenalkan agenda transformasi dan pengukuhan DUN untuk membolehkan semua ADUN memainkan peranan lebih efektif dalam penggubalan undang-undang dan pembuatan dasar bagi memenuhi semak dan imbang tadbir urus Kerajaan Negeri Melaka.

**Keenam:** Mengusulkan peruntukan dan kebajikan kepada semua ADUN yang akan diputuskan dalam masa yang terdekat.

32. Sesungguhnya, pentadbiran Negeri Melaka juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Pembudayaan integriti dalam kalangan pemimpin dan aspek kepimpinan melalui teladan akan dititikberatkan bagi memastikan semua jentera kerajaan mengamalkan sikap terpuji dan menjauhkan diri daripada segala tindakan negatif seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain. Ini akan membantu mewujudkan persekitaran ekonomi yang kondusif, meningkatkan daya saing dan kecekapan perkhidmatan awam sebagai pemudah cara, merencanakan pelaburan serta memperkukuh sosio-ekonomi dan politik negeri.
33. Kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah dilantik, marilah kita bekerja bersama-sama untuk rakyat dan Negeri Melaka. Pastikan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, di samping memahami visi dan arah tuju pentadbiran Kerajaan Negeri.
34. Selepas ini, semua pihak sama ada ADUN Kerajaan mahupun ADUN bukan kerajaan perlu bersama-sama untuk terus bekerja membangunkan Negeri Melaka dan membentuk satu Kerajaan Negeri yang kukuh untuk membawa rakyat dan negeri ini ke aras lebih tinggi, maju dan sejahtera.



35. Kepada semua penjawat awam Negeri dan Persekutuan, anggota keselamatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak swasta dan rakyat keseluruhannya, saya memohon agar kita semua dapat bekerjasama serta terus menyokong aspirasi Kerajaan Negeri yang baharu ini.

***Pohon Berangan Tempat Bertemu,  
Girangnya Rasa Si Anak Dara,  
Ayuh Bersama Rakan Seperjuanganku,  
Menabur Bakti Di Negeri Tercinta.***

Yang dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam;

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Abdul Rahman;

36. Demikianlah ucapan saya pada kali ini. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas perkenan melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka serta menyerikan lagi Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka pada petang ini.

37. Saya dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Asmah binti Abdul Rahman serta keluarga sentiasa mendapat kerberkatan, keistimewaan dan kejayaan daripada Allah SWT.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**-TAMAT-**

















